



**KERAJAAN MALAYSIA**



**LPKP**

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN  
KENDERAAN PERDAGANGAN  
BIL. 5 TAHUN 2008**

---

**LIBERALISASI KADAR TAMBANG PERKHIDMATAN BAS EKSPRES**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA**

**TARIKH: 13 NOVEMBER 2008**

## **LIBERALISASI KADAR TAMBANG PERKHIDMATAN BAS EKSPRES**

### **TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kadar tambang perkhidmatan bas ekspres mengikut jenis-jenis perkhidmatan yang diwujudkan iaitu Ekonomi, Eksekutif dan Perdana.

### **LATAR BELAKANG**

2. Perkhidmatan pengangkutan awam bas ekspres adalah dikawal oleh Kerajaan di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) 1987 (Akta 334). Di bawah peruntukan Seksyen 14 dan 19 Akta tersebut, LPKP diberi kuasa mewujudkan kelas-kelas perkhidmatan dan mengawal kadar tambang kelas lesen bas ekspres.

3. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 29 Ogos 2008 telah bersetuju supaya kadar tambang perkhidmatan bas ekspres diliberalisasikan.

4. Mesyuarat Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Bil.9/2008 pada 7 Mei 2008, Bil.12/2008 pada 15 Julai 2008 dan Bil.21/2008 pada 15 September 2008 telah bersetuju dengan pelaksanaan liberalisasi kadar tambang bagi perkhidmatan bas ekspres dengan mengekalkan perkhidmatan Ekonomi, pindaan kadar tambang pada perkhidmatan Eksekutif dan mewujudkan jenis perkhidmatan Perdana.

### **SPESIFIKASI JENIS PERKHIDMATAN DAN KADAR TAMBANG**

5. Spesifikasi jenis perkhidmatan bas ekspres mengikut muatan penumpang dan tanda pengenalan serta kadar tambang yang dibenarkan adalah seperti di **LAMPIRAN**.

### **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

6. Syarikat yang membuat permohonan untuk menyediakan perkhidmatan bas ekspres jenis Ekonomi, Eksekutif dan Perdana perlu mematuhi syarat-syarat berikut:

- (i) Penetapan kuota bilangan bas mengikut jenis perkhidmatan bagi setiap syarikat mengikut nisbah 30% perkhidmatan mewah daripada bilangan lesen yang dimiliki syarikat. Pertambahan kuota bilangan bas akan dikaji mengikut keperluan pasaran;
- (ii) setiap jenis perkhidmatan ditandakan di pintu masuk bas dan tiket yang dikeluarkan/dijual untuk mengelakkan kekeliruan;
- (iii) syarikat perlu mendaftarkan semua agen tiket mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh LPKP; dan
- (iv) had umur bas untuk semua jenis perkhidmatan ditetapkan sehingga 10 tahun manakala had umur pendaftaran pertama kenderaan sehingga 3 tahun.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

6. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KEUSAHAWANAN KERJAYA PILIHAN”**

Saya yang menurut perintah,



**(NAIMAH BINTI RAMLI)**

Pengarah

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan

Semenanjung Malaysia

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

**13 November 2008**

s.k.

Ketua Pengarah,  
Jabatan Pengangkutan Jalan,  
Bahagian Penguatkuasa,  
Aras 1, Blok D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62505 PUTRAJAYA**

Ketua Polis Negara,  
Polis Diraja Malaysia,  
Bahagian Trafik,  
Ibu Pejabat Polis Bukit Aman,  
**50560 KUALA LUMPUR**

Ketua Pegawai Eksekutif,  
Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer,  
PUSPAKOM Sdn Bhd,  
No. 553A-E, Tingkat 3 & 4,  
Batu 3½, Jalan Ipoh,  
**51200 KUALA LUMPUR**

**Edaran Dalaman:**

Pengerusi LPKP TKSU (P)

Semua Ketua Penolong Pengarah LPKP Ibu Pejabat

Pengarah LPKP Wilayah Tengah

Pengarah LPKP Wilayah Selatan

Pengarah LPKP Wilayah Utara

Pengarah LPKP Wilayah Timur

Semua Penolong Pengarah dan Penolong Pegawai Tadbir LPKP Ibu Pejabat

## PERINCIAN SPESIFIKASI PERKHIDMATAN BAS EKSPRES

Perkhidmatan	Muatan Tempat Duduk Penumpang		Kadar Tambang	Tanda Pengenalan	Kemudahan Perkhidmatan
	<i>Single Decker</i>	<i>Double Decker</i>			
Ekonomi	Min 38	Min 60	6.5 sen/km	Perkataan Perkhidmatan Kelas Ekonomi di badan kenderaan	- Berhawa dingin
Eksekutif	Min 26 Max 30	Min 36 Max 38	Min 15 sen/km	Perkataan Perkhidmatan Kelas Eksekutif di badan kenderaan	- pelayan - minuman ringan (halal) - bas berhawa dingin
Perdana	Max 25	Max 35	Min 25 sen/km	Perkataan Perkhidmatan Kelas Perdana di badan kenderaan	- pelayan - makanan dan minuman halal - bas berhawa dingin - lampu membaca - televisyen, pemain cakera padat video dan radio - kerusi sandar yang dilengkapi tempat letak makanan - perkhidmatan-perkhidmatan tambahan yang lain

**Nota : Jumlah muatan tempat duduk adalah TIDAK termasuk pemandu, pemandu kedua dan pelayan (eksekutif dan perdana)**